

ARAHAN KEPADA PIHAK YANG MENUNTUT / PIHAK PENENTANG**(dikemas kini 24.4.2024)**

1. Tribunal akan memproses permohonan Borang 14 ini dalam tempoh **TIGA (3) HINGGA LIMA (5) HARI BEKERJA** dari tarikh Borang 14 difailkan. Anda hendaklah membuat semakan dalam sistem ini selepas tempoh tersebut.
2. Setelah Borang 14 selesai diproses, anda hendaklah mencetak sendiri Borang 14 ini dalam **TIGA (3) SALINAN** dan jika terdapat lebih daripada seorang Pihak Yang Menuntut / Pihak Penentang, dengan salinan tambahan bagi tiap-tiap Pihak Yang Menuntut / Pihak Penentang.
 - i. Satu (1) salinan untuk rujukan anda dan dibawa semasa pendengaran;
 - ii. Satu (1) salinan untuk diserahkan kepada tiap-tiap Pihak Yang Menuntut / Pihak Penentang;
 - iii. Satu (1) salinan untuk dikemukakan semasa pendengaran di Tribunal.
3. Setiap salinan setelah dicetak hendaklah **ditandatangani** sendiri. Jika suatu perbadanan atau kumpulan orang yang tidak diperbadankan, anda hendaklah menyatakan nama penuh orang yang diberi kuasa bersama dengan jawatannya dan capkan dengan cop rasmi atau meterai perbadanan.
4. Anda kemudiannya mestilah **menyerahkan** satu salinan Borang 14 yang telah ditandatangani dan dimeterai kepada tiap-tiap Pihak Yang Menuntut / Pihak Penentang dalam tempoh **tujuh (7) hari** dari tarikh Borang 14 ditandatangani dan dimeterai oleh Tribunal. Anda boleh menyerahkan Borang 14 kepada Pihak Yang Menuntut melalui kaedah-kaedah berikut:
 - i. **Secara serahan tangan.** Contoh bukti penyerahan bagi kaedah ini adalah salinan akuan penerimaan / tandatangan / cop penerimaan / gambar penyerahan dan tarikh penyerahan;

ATAU
 - ii. **Melalui pos berdaftar** yang dialamatkan kepada alamat perniagaan, petak atau kediaman yang akhir diketahui bagi Penentang. Contoh bukti penyerahan bagi kaedah ini adalah bukti pengeposan.

Pos Daftar (Track-on-8)

POS MALAYSIA | Daftar | TRACK-ON 8

1 Pengirim (Sender):
Nama (Name):
No.Telefon (Phone No.):

2 Penerima (Receiver):
Nama (Name):
No.Telefon (Phone No.):

RY038422649MY

RY038422649MY

RY038422649MY

(Office use only)

(Customer's copy)

2020

Salinan untuk pejabat

Salinan untuk pelanggan

5. Bermula **pemfailan tuntutan pada 1 APRIL 2024**, anda hendaklah menyediakan salinan *hardcopy* dan membawa dokumen yang berikut semasa pendengaran:
- Borang 14 yang telah ditandatangani;
 - Semua dokumen sokongan;**
 - Surat kuasa wakil (bagi JMB/MC/Syarikat mana yang berkaitan); dan
 - Bukti serahan Borang 14 kepada Penentang.